

Lelaki tidak pamer nombor pendaftaran motosikal didenda

MIRI: Seorang lelaki didenda RM400 atau empat hari penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam setelah disabitkan bersalah tidak mempamerkan nombor pendaftaran motosikal yang ditungganginya.

Tertuduh, Abdul Hafiz Mahd, 32, dari Limbang, terdahulu mengaku bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan di bawah Seksyen 14 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333/87) dan dihukum di bawah Seksyen 14 (4) akta yang sama.

Sekiranya didapati bersalah, tertuduh boleh didenda sekurang-kurangnya RM300

dan tidak melebihi RM3,000, jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh sebagai penunggang sebuah motosikal dengan nombor pendaftaran QLE57xx, didapati tidak mempamerkan nombor pendaftaran di bahagian hadapan motosikal yang ditungganginya.

Kesalahan dilakukan tertuduh pada jam 10.32 pagi, 11 Mei lalu di Jalan Kuala Baram Bypass dekat sini.

Pendakwaan dilakukan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman di hadapan Majistret Ashok Linggam, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.